



**GARIS PANDUAN OPERASI
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**

**LAYANAN KHAS PENALTI
DI BAWAH SEKSYEN 47A AKTA SETEM 1949 BAGI
PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA
DUTI SETEM 2026**

Isi Kandungan	Muka surat
1. Pengenalan	1
2. Peruntukan Akta Setem 1949	1
3. Tujuan Program Khas Pengakuan Sukarela Duti Setem 2026	2
4. Pelaksanaan Program Khas Pengakuan Sukarela Duti Setem 2026	2
5. Tarikh Kuat Kuasa	4
6. Lampiran A – Contoh Senario	5

GARIS PANDUAN PEMUNGUT DUTI SETEM

Seksyen 76B Akta Setem 1949 memperuntukkan bahawa Pemungut mempunyai kuasa untuk mengeluarkan Garis Panduan yang Pemungut fikirkan sesuai atau perlu.

Garis Panduan diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia memperuntukkan penjelasan Pemungut berhubung peruntukan tertentu undang-undang duti setem atau memudahkan pematuhan undang-undang atau apa-apa perkara lain yang berhubung dengannya.

Pemungut boleh membatalkan, menyemak atau meminda keseluruhan atau sebahagian daripada Garis Panduan ini dengan penerbitan Garis Panduan yang baharu.

**Pemungut Duti Setem,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. PENGENALAN

Garis panduan operasi ini dikeluarkan bagi memberi penjelasan di bawah peruntukan seksyen 47A Akta Setem 1949 (AS 1949) bagi Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) Duti Setem 2026.

Ini adalah selaras dengan pengumuman yang telah dibuat oleh YAB Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan pada 5 Januari 2026 dalam Ucapan Amanat Tahun Baru 2026 yang memberikan remisi penalti (pengecualian penalti) bagi tempoh 1 Januari 2026 hingga 30 Jun 2026.

2. PERUNTUKAN AKTA SETEM 1949

Menurut peruntukan seksyen 47A AS 1949, pembayar duti boleh dikenakan penalti bagi kelewatan mengemukakan surat cara untuk penyeteman dan lewat pembayaran duti setem bagi maksud penyeteman oleh Pemungut sekiranya:

- (1) Suatu suratcara tidak disetamkan dalam tempoh yang ditetapkan dalam atau di bawah subseksyen 36(2), seksyen 40, 43 atau 47 AS 1949;
- (2) Surat cara di atas boleh disetamkan setelah dibayar duti berserta penalti sebagaimana berikut:
 - (a) Ringgit Malaysia Lima Puluh (RM50) atau sepuluh peratus (10%) daripada amaun duti yang terkurang, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika suratcara tersebut disetamkan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tempoh masa yang ditetapkan untuk penyeteman; atau
 - (b) Ringgit Malaysia Seratus (RM100) atau dua puluh peratus (20%) daripada amaun duti yang terkurang, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, dalam mana-mana kes selainnya.

3. TUJUAN PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA DUTI SETEM 2026

- 3.1. Pemberian remisi penalti di bawah PKPS Duti Setem 2026 ini dilaksanakan adalah sebagai satu langkah pendidikan bagi memupuk kesedaran serta menggalakkan pematuhan secara sukarela dalam kalangan pembayar duti.
- 3.2. Layanan khas ini dilaksanakan untuk memberi masa yang mencukupi kepada pembayar duti bagi membolehkan pembayar duti memahami prosedur dan pelaksanaan penyeteman sendiri secara elektronik.
- 3.3. Tempoh peralihan ini juga merupakan suatu fleksibiliti yang disediakan bagi menggalakkan pematuhan pembayar duti dalam mengemukakan penyata yang betul kepada Pemungut Duti Setem.

4. PELAKSANAAN PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA DUTI SETEM 2026

- 4.1. Tempoh PKPS Duti Setem 2026 adalah mulai 1 Januari 2026 sehingga 30 Jun 2026 bagi semua surat cara yang disempurnakan seperti perjanjian atau dokumen-dokumen yang telah ditandatangani dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025.
- 4.2. Dalam tempoh PKPS Duti Setem 2026, semua surat cara yang disempurnakan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025 layak untuk dikecualikan penalti berdasarkan kuasa yang diperuntukkan kepada Pemungut Duti Setem di bawah subseksyen 47A(2) AS 1949.
- 4.3. Penyeteman dan bayaran duti setem ke atas suratcara tersebut hendaklah dibuat dalam tempoh 1 Januari 2026 hingga 30 Jun 2026. Bayaran duti setem hendaklah dibayar pada atau sebelum 30 Jun 2026 bagi membolehkan pembayar duti layak menyertai PKPS Duti Setem 2026.

- 4.4. Tiada permohonan rayuan penalti perlu dikemukakan oleh pembayar duti dan penalti akan diremitkan (dikecualikan) secara automatik ke atas surat cara tersebut apabila duti setem berkaitan dibayar oleh pembayar duti;
- 4.5. Sekiranya pembayar duti telah membuat penyeteman surat cara yang disempurnakan antara 1 Januari 2023 sehingga 31 Disember 2025 sebelum 1 Januari 2026 tetapi belum membayar duti setem termasuk penalti, pembayar duti masih layak untuk mendapatkan peremitan (pengecualian) penalti sepenuhnya di bawah PKPS Duti Setem 2026, apabila bayaran duti setem dibuat dalam tempoh 1 Januari 2026 sehingga 30 Jun 2026.
- 4.6. Jika pembayar duti telah membuat penyeteman sebelum ini dan telah membayar duti setem termasuk penalti bagi surat cara yang disempurnakan antara 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025, pembayar duti tidak layak membuat permohonan di bawah PKPS Duti Setem 2026 kerana bayaran duti setem dan penalti telah dibuat sebelum tempoh PKPS Duti Setem 2026.
- 4.7. PKPS Duti Setem 2026 ini tidak terpakai bagi kes yang berunsurkan fraud;
- 4.8. Semua surat cara yang disempurnakan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025 dan telah disetamkan di bawah PKPS Duti Setem 2026 ini tidak akan diaudit.
- 4.9. PKPS Duti Setem 2026 ini tidak mengecualikan pembayar duti daripada diaudit ke atas surat cara lain yang tidak disetamkan di bawah PKPS Duti Setem 2026 dan mana-mana surat cara yang disetamkan mulai 1 Julai 2026.

- 4.10. Paparan jumlah penalti masih akan ditunjukkan pada Borang Nyata Duti Setem (BNDS) atau pada Notis Taksiran yang dikeluarkan. Namun begitu, penalti berkenaan akan dihapuskan secara automatik semasa proses bayaran duti setem dibuat, tanpa memerlukan sebarang tindakan lanjut daripada pihak pembayar duti.
- 4.11. Pembayar duti disarankan supaya mengemukakan permohonan penyeteman lebih awal bagi memastikan notis taksiran boleh dikeluarkan dalam tempoh PKPS Duti Setem 2026 dan bayaran duti setem dapat dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.
- 4.12. Contoh senario remisi penalti di bawah PKPS Duti Setem 2026 adalah seperti di **Lampiran A**.

5. TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini berkuat kuasa mulai 01 Januari 2026.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

CONTOH SENARIO

Bil.	Tarikh Surat Cara	Tarikh Notis / Tarikh BNDS Dihantar	Duti Pada Notis / BNDS	Penalti Lewat Kemuka Penyeteman (RM)	Jumlah Duti dan Penalti di Notis / BNDS (RM)	Tarikh Bayaran	Duti Perlu Dibayar (RM)	Penalti Lewat Bayar (RM)	Jumlah Duti dan Penalti Perlu Dibayar (RM)	Penerangan
1	1/3/2025	1/2/2026	1,000.00	200.00	1,200.00	15/2/2026	1,000.00	0.00	1,000.00	Layak pengecualian penalti - Bayaran dalam tempoh PKPS sehingga 30 Jun 2026
2	1/3/2025	1/2/2026	1,000.00	200.00	1,200.00	14/3/2026	1,000.00	0.00	1,000.00	Layak pengecualian penalti - Bayaran dalam tempoh PKPS sehingga 30 Jun 2026
3	1/3/2025	1/2/2026	1,000.00	200.00	1,200.00	15/7/2026	1,000.00	200.00	1,200.00	Tidak layak pengecualian penalti kerana bayaran dibuat selepas 30 Jun 2026
4	12/1/2026	1/2/2026	1,000.00	0.00	1,000.00	5/3/2026	1,000.00	100.00	1,100.00	Surat cara disempurnakan tahun 2026 tidak layak PKPS
5	12/1/2026	1/2/2026	1,000.00	0.00	1,000.00	5/7/2026	1,000.00	200.00	1,200.00	Surat cara disempurnakan tahun 2026 tidak layak PKPS
6	1/4/2023	1/3/2026	2,000.00	400.00	2,400.00	15/7/2026	2,000.00	400.00	2,400.00	Tidak layak pengecualian penalti kerana bayaran dibuat selepas 30 Jun 2026
7	1/4/2023	1/3/2026	2,000.00	400.00	2,400.00	15/5/2026	2,000.00	0.00	2,000.00	Layak pengecualian penalti - Bayaran dalam tempoh PKPS sehingga 30 Jun 2026

8	15/1/2024	1/2/2026	3,000.00	600.00	3,600.00	5/5/2026	3,000.00	0.00	3,000.00	Layak pengecualian penalti - Bayaran dalam tempoh PKPS sehingga 30 Jun 2026
9	15/1/2024	1/2/2026	3,000.00	600.00	3,600.00	7/9/2026	3,000.00	600.00	3,600.00	Tidak layak pengecualian penalti kerana bayaran dibuat selepas 30 Jun 2026
10	1/4/2022	28/4/2026	8,000.00	1,600.00	9,600.00	18/5/2026	8,000.00	1600.00	9,600.00	Surat cara yang layak PKPS hanya terpakai bagi surat cara bertarikh antara 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025